

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana operasi bahagian swasta di Hospital Kerajaan dilaksanakan. Bagaimanakah seorang pesakit yang mendapat rawatan di hospital kerajaan akan dirujuk atau diberi rawatan di bahagian swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Hospital kerajaan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mwujudkan Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (Full Paying Patients Services), sejak Julai 2007 di dua buah hospital iaitu Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Caj yang dikenakan ke atas pesakit yang memilih perkhidmatan ini adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) (Pesakit Bayar Penuh) 2007. Melalui Perintah Fi tersebut sebanyak 7 jenis perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit yang memilih perkhidmatan ini dikenakan bayaran iaitu:

- a) Fi pendaftaran dan perundingan;
- b) Fi hospitaliti;

- c) Fi penyiasatan;
- d) Fi tatacara;
- e) Fi rawatan; dan
- f) Fi pelbagai.

Fi yang dikenakan keatas pesakit ini akan dibahagikan antara kerajaan dan Pegawai Perubatan Pakar yang merawat pesakit menurut agihan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Untuk mengoperasikan perkhidmatan ini, pihak KKM telah mengeluarkan Garispanduan Pelaksanaan, Perintah Fi (Perubatan) (Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh) 2007, yang menggariskan beberapa perkara-perkara antaranya adalah:

- a) kelayakan pakar untuk menyertai Skim PPBP;
- b) akses kepada perkhidmatan;
- c) rawatan perubatan;
- d) pemilihan pesakit; dan
- e) pemantauan.

Garis panduan ini telah disemak serta diperkemaskan lagi pada tahun 2013.

Pada amnya, hospital KKM yang ingin memulakan perkhidmatan ini perlu mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk merawat Pesakit Bayar Penuh ini. Pegawai Perubatan Pakar yang ingin menyertai perkhidmatan ini adalah mereka yang telah diwartakan sebagai pakar dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai pakar di bidang berkenaan. Rawatan serta prosedur klinikal yang dijalankan kepada

pesakit bayar penuh adalah berdasarkan kepada keadaan serta penilaian klinikal pesakit pada masa tersebut serta bergantung kepada kemudahan yang disediakan di hospital berkenaan pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemilihan untuk dirawat sebagai pesakit bayar penuh atau pemilihan memasuki ke Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh di hospital KKM adalah atas pilihan pesakit sendiri dan bukan secara rujukan oleh mana-mana pihak.